

KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF KAMPUS SHAH ALAM (SASSA)

PERATURAN PERMAINAN DART

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut **Undang-undang Pertandingan Persatuan Dart Malaysia dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Staf Shah Alam** berserta dengan undang- undang dan peraturan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 1.2 Pertandingan ini dinamakan **Pertandingan Dart Kejohanan Sukan Antara Staf Shah Alam (SASSA) 2024**.
- 1.3 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah **BERHAK** meminda / mengadakan peraturan- peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran SUKUM.
- 1.4 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan **Peraturan AM SASSA** adalah diikuti.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;
- 2.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan tidak lebih dari **LAPAN (8)** orang pemain dan **DUA (2)** orang pegawai (Pengurus dan Jurulatih).
- 2.3 Kejohanan ini mempertandingkan **SATU (1)** acara iaitu acara Beregu (Double) Lelaki dan Wanita Sahaja.
- 2.4 Setiap pemain hanya **DIBENARKAN** menyertai maksimum **SATU (1)** acara sahaja.

3.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 3.1 Bagi pusingan awal, setiap peserta akan bermain di peringkat kumpulan.
- 3.2 Bagi format peringkat kumpulan, setiap peserta perlu bermain secara tiga set/leg. Pemenang akan ditentukan berdasarkan

kiraan set/leg yang menang. Penentuan pemenang akan ditentukan berdasarkan kiraan samada 3-0 / 2-1.

- 3.3 Pemenang bagi setiap perlawanan di peringkat kumpulan akan diberikan tiga (3) mata manakala peserta yang kalah akan diberikan kosong (0) mata.
- 3.4 Kiraan mata bagi setiap acara adalah seperti berikut:
 - 3.4.1 Beregu (Double) – (Kiraan 501 mata)

4.0 ACARA/KATEGORI YANG DI PERTANDINGKAN

- 4.1 Kategori yang dipertandingkan :-
 - I. Beregu (Double)

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Semua permainan dimulakan dengan “straight start” dan ditamatkan dengan “double”;
- 5.2 Di dalam permainan “beregu pemain yang namanya tercatat sebagai pemain pertama akan memulakan permainan;
- 5.3 Hanya dart yang melekat di “dartboard” diambil kira sebagai “score” setelah ketiga-tiga dart dibaling;
- 5.4 Pemain **TIDAK DIBENARKAN** mencabut dart dari “dartboard” sehingga ia bersetuju dengan “score” yang diperolehi atau sebelum “Caller/chalker” membuat kiraan;
- 5.5 Mana-mana salah kira yang dibuat oleh “caller / chalker” mengenai baki mata, pemain hendaklah memberitahu “caller / chalker” kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau “score” tersebut tidak akan dilayan;
- 5.6 Pengambilan minuman keras sebelum dan semasa pertandingan adalah **DILARANG** sama sekali. Mana-mana pasukan yang didapati melanggar peraturan ini akan disingkirkan daripada bertanding;
- 5.7 Bagi permainan di peringkat suku akhir dan seterusnya, Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan boleh menamatkan

sesuatu perlawanan jika sekiranya mana-mana satu pasukan telah mencapai mata kemenangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pengadil.

6.0 KELAYAKAN STAF

Sila rujuk Peraturan AM

7.0 PENDAFTARAN DAN YURAN PENYERTAAN

Sila rujuk Peraturan AM

8.0 HUKUMAN

Sila rujuk Peraturan AM

9.0 BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan AM

10.0 JAWATANKUASA BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan AM

11.0 TINDAKAN TATATERTIB

Sila rujuk Peraturan AM

12.0 PERKARA TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan AM

13.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	KE-3 BERSAMA
Beregu (Double) Lelaki	1 (2)	1 (2)	2 (4)
Beregu (Double) Wanita	1 (2)	1 (2)	2 (4)
Jumlah	2 (4)	2 (4)	4 (8)